

KAJIAN SINGRAFI TEATER MUZIKAL IBU ZAIN DI ISTANA BUDAYA



INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH:

HAMZAH MOHAMED TAHIR

CGOS 2008

Tarikh : 29 Ogos 2008

No. Fail Projek :

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)

Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC)

UiTM, Shah Alam


Puan,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN 'KAJIAN SINOGRAFI TEATER  
MUZIKAL IBU ZAIN DI ISTANA BUDAYA'**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk 'Kajian Sinografi Teater Muzikal Ibu Zain di Istana Budaya' oleh Penyelidik dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik untuk makluman pihak puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**Hamzah Mohamed Tahir**

Ketua

Projek Penyelidikan

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof Dr Hatta Azad Khan  
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik

En Mohd Hafiz Askiak  
Ketua Program Teater, TEKA

Rosminah Mohamed Tahir  
Penulis Skrip dan Pengarah Teater Muzikal Ibu Zain

Siti Rohayah Atan  
Penerbit Teater Muzikal Ibu Zain

Istana Budaya

## 1.4 ISI KANDUNGAN

Tajuk isi kandungan hendaklah seperti yang tertulis dalam laporan.  
Nombor tajuk hendaklah ditulis seperti berikut :-

- 1.0 Pengenalan
  - 1.0.1 Visual Sinografi
- 2.0 Tinjauan Literatur
- 3.0 Metafora Visual dalam Sinografi
- 4.0 Penyelidikan Ibu Zain (Johor - Melaka)
- 5.0 Proses Visualisasi Sinografi Ibu Zain
  - 5.0.1 Sinopsis Teater Muzikal Ibu Zain
  - 5.0.2 Kajian Biografi
    - 5.0.2.1 Zaman Persekolahan
    - 5.0.2.2 Zaman Remaja – Dewasa – Kerjaya
    - 5.0.2.3 Zaman Perang
    - 5.0.2.4 Pengembaraan Politik
    - 5.0.2.5 Anugerah
- 6.0 Abstrak
- 7.0 Bibliografi
- 8.0 Lampiran

## 1.0 Pengenalan

Sinografi adalah bersifat visual. Jika ditanya apakah sinografi dalam sesebuah pementasan maka perlulah kita menceritakan tentang set, kostum, solekan, props, cahaya dan bunyi. Elemen visual ini mesti bersatu, seragam, berkait, seimbang, lengkap untuk memberi keberkesanan dalam pementasan yang mantap. Seni visual ini mestilah berkomunikasi dan berinteraksi kepada penonton. Apabila penonton duduk di auditorium atau panggung, penonton akan menerima satu titik tolak permulaan cerita bila kandungan diatas ruang pentas mula bercerita. Ini semua berlaku sebelum pementasan bermula. Ini bermakna sinografi memainkan peranan yang utama untuk memberi interpretasi penonton terhadap teater yang akan dipentaskan. Penyelidikan, penelitian yang terperinci perlu dijalankan dengan sebaik mungkin sebelum memilih keputusan apa yang perlu dihidangkan kepada penonton. Ini kerana sinografi sesebuah pementasan perlu cepat berkomunikasi. Tidak seperti melihat sebuah lukisan di dalam sebuah galeri, kita boleh duduk berjam-jam untuk menganalisa apa yang cuba disampaikan oleh pelukis. Pementasan teater biasanya mengambil masa selama dua jam. Dalam durasi masa itu pula terdapat pertukaran babak dan pertukaran set dilakukan. Penonton hanya mempunyai masa yang singkat untuk menghayati sinografi dan mengetahui kemanakah pengarah akan membawa mereka, sebelum mereka menghadapi konflik yang akan dibawa oleh pelakon menerusi dialog. Ini bermakna pereka-pereka artistik memikul peranan yang berat dalam sesebuah produksi. Pereka-pereka artistik ini termasuklah pereka set, pereka kostum, jurusolek, penata cahaya dan sinografer. Sinografer selalunya mengetuai pereka-pereka artistik yang lain. Sinografer perlu melihat keseluruhan nilai artistik dalam produksi tersebut, melihat dengan jelas pertalian diantara apa yang dilihat dengan penerimaan penonton dengan apa yang diberikan.